

# Urus niaga RM228j ditandatangani

UM 15 OCT 2001

**L**ANGKAWI 14 Okt. — Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA 01) yang melabuhkan tirainya hari ini menyaksikan urusan niaga berjumlah RM228 juta berjaya dijalankan sepanjang enam hari ia berlangsung sejak Selasa lalu.

Jumlah itu adalah hasil beberapa memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara syarikat-syarikat Malaysia dan juga Kementerian Pertahanan dengan pihak luar dalam membangunkan industri pertahanan negara.

Selain MoU pembelian enam helikopter Fennec bernilai RM140 juta dari Eurocopter, Perancis, lima MoU bernilai lebih RM30 juta ditandatangani oleh Bussines Focus Intra (BFI) Sdn. Bhd., Comintel Bhd., Dawn Enterprise Sdn. Bhd., Langkawi Sea Farms Sdn.

Bhd. dan Comlenia Sdn. Bhd bagi membekalkan 10 unit bot peronda laju.

Turut ditandatangani perjanjian pembelian bot tempur CV-90 untuk kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM) dari Sweden bernilai RM10 juta dan perjanjian dengan Syarikat Lardac untuk menaik taraf pesawat F-5E berharga RM48 juta.

Malah ia turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai apabila lebih 60,000 orang mengunjungi segmen udara yang di adakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri dan segmen maritim di Tanjung Malai sejak ia dibuka kepada umum semalam.

Mengulas mengenai LIMA '01 kali ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan berpuas hati dengan kelicinan perjalanannya di sebalik

situasi semasa dunia yang tidak menentu ekoran serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan serangan balas Amerika Syarikat (AS) ke atas Afghanistan.

Katanya, walaupun bilangan penyertaan dalam segmen aeroangkasa berkurangan kepada 300 peserta berbanding 637 pada LIMA '99 tetapi itu adalah kedudukan terbaik yang dapat dicapai pada LIMA kali ini.

Tegas beliau lagi, bilangan peserta yang kurang itu bukan ukuran sebenar bagi menentukan kejayaan LIMA '01 apabila ia mengambil kira industri pertahanan pada masa ini yang melalui proses penstrukturan semula melibatkan penggabungan beberapa syarikat.

"Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian LIMA '01. Selepas serangan ke atas AS itulah keadaan terbaik yang dapat diadakan," ka-

tanya pada sidang akhbar pada hari terakhir LIMA '01 di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Eksekutif Le Proton LIMA Sdn. Bhd., Datuk Mohd. Radzi Manan yang mengendalikan segmen udara dan Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn. Bhd, syarikat pengendali segmen maritim, Tan Sri Abdul Wahab Nawi.

Bagi segmen udara, LIMA kali ini menyaksikan 7,000 pelawat perdagangan hadir berbanding 12,000 pada LIMA '99 sementara kehadiran orang ramai pula mencecah 12,000 orang setakat semalam dan dijangka meningkat kepada 20,000 orang hari ini.

Sejumlah 26 negara mengambil bahagian melibatkan 73 buah pesawat berbanding 32 negara dengan 103 pesawat, dua tahun lalu.

Berbeza dengan segmen udara, segmen maritim pula berjaya menarik 294 peserta berbanding 285 pada LIMA '99. Manakala bilangan negara yang mengambil bahagian bertambah kepada 22 buah berbanding 20 buah sebelum ini.

Bagaimanapun dari segi bilangan kapal, jumlah yang mengambil bahagian berkurangan kepada 70 buah berbanding sebanyak 75 buah kapal sebelum ini.

Menurut Najib lagi, sesuatu yang paling membanggakan pada LIMA '01 ialah pelancaran pesawat tanpa juruterbang pertama buatan Malaysia, Eagle ARV oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari kedua pameran.

"Dengan pelancaran pesawat ini kita yakin potensi eksportnya cerah di mana beberapa negara telah menunjukkan minat untuk membelinya dan kita akan membuat susulan mengenai perkara ini sedikit masa lagi," jelasnya.

Beliau berkata, banyak perbincangan dapat diadakan pada LIMA kali ini sama ada secara formal mahupun tidak formal dan perkembangan positif ini jelas membantu dalam memajukan industri pertahanan negara.